

Headline	Dewan Negara lulus dua rang undang undang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Apr 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	14	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	123 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,617
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,851



# Dewan Negara lulus dua rang undang-undang

**KUALA LUMPUR 27 April** - Persidangan Dewan Negara hari ini meluluskan dua rang undang-undang iaitu Akta Perbekalan Tambahan (2015) 2016 dan Rang Undang-Undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016.

Rang undang-undang Perbekalan Tambahan (2015) 2016 itu membabitkan perbelanjaan tambahan sebanyak RM3.31 bilion.

Sebahagian besar peruntukan tersebut akan disalurkan kepada Kumpulan Wang Terkanun iaitu sebanyak RM2.33 bilion.

Selebihnya akan disalurkan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Luar, Kementerian Pengangkutan, Parlimen

dan Jabatan Perdana Menteri.

Dua rang undang-undang tersebut telah diluluskan di peringkat Dewan Rakyat pada Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Ketiga Belas yang berakhir 7 April lalu.

Terdahulu, dalam sesi penggrulungan Akta Perbekalan Tambahan (2015) 2016, Timbalan Menteri

Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, pengubahsuaian bangunan Parlimen dijangka siap pada Disember 2019 membabitkan perbelanjaan berjumlah RM520 juta.

Katanya, tindakan pengubahsuaian itu melibatkan beberapa fasa untuk menaik taraf kualiti dan kemudahan di bangunan itu.

“Tambahan peruntukan untuk Kementerian Luar Negeri akan melihat semula peranan kementerian itu dan pejabat kedutaan di luar negara supaya boleh disatukan tanpa mengurangkan aspek perkhidmatan,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Hamim Samuri berkata, peng-

gubalan akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 itu adalah bagi meningkatkan fungsi institut berkenaan sebagai peneraju utama penyelidikan perhutanan dunia.

“Institut itu akan bekerjasama dengan pihak ketiga melalui pemindahan teknologi bagi tujuan tersebut,” katanya.